

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HLB 306 Sejarah Teater Barat

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Menggunakan contoh-contoh daripada skrip-skrip drama pilihan untuk membantu kerterangan anda.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Pengkritik zaman Renaissance Itali dan Perancis menentukan beberapa peraturan tentang teater. Terangkan ciri-ciri drama "neoclassical" itu pada abad 17 di Perancis dan membandingkannya dengan unsur-unsur drama "Elizabethan."
2. Huraikan inovasi-inovasi dalam bidang senibina panggung dan rekabentuk pentas pada zaman Renaissance di Itali, dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai.
3. Bincangkan struktur dramatik dan tema-tema di dalam naskah Yunani Agamemnon oleh Aeschylus. Apa hubungan drama tersebut dengan situasi dan falsafah sosio-politik dan agama pada zaman itu.
4. Bincangkan struktur dramatik, perwatakan, cara pementasan dan fungsi "Morality Plays" pada zaman "medieval" di Eropah, dengan memberi contoh-contoh dari naskah Everyman.

BAHAGIAN B

5. **SAMA ADA**

[a] Bandingkan struktur dan kandungan drama Realisma dengan drama Absurd. Cuba jelaskan kaitan di antara gaya drama tersebut dengan falsafah di sebalik pergerakan realisma dan absurd.

ATAU

[b] Jelaskan bagaimana keadaan sosio-politik dan kemajuan sains mempengaruhi kewujudan dan perkembangan drama realisma.

6. Bincangkan ide "Verfremdung" (distantiation) dalam teori Bertolt Brecht dari segi skrip drama, lakonan dan arahan, dan juga rekabentuk. Seterusnya, jelaskan bagaimana ide-ide ini berbeza daripada "distantiation" dalam "Theatre of Images."
7. Pilih **tiga [3]** daripada tajuk-tajuk berikut dan tuliskan nota ringkas mengenai setiap tajuk yang anda memilih:
- [a] "Melodrama"
 - [b] "Restoration Comedy"
 - [c] A Movie Star Has to Star in Black and White
 - [d] "Dadaism dan Surrealism"
 - [e] "Environmental Theatre"
8. Huraikah falsafah dan teori "Theatre of Cruelty" dengan contoh-contoh daripada The Jet of Blood oleh Antonin Artaud. Bincangkan bagaimana idea-idea Artaud ini dilaksanakan dalam karya atau pementasan seorang sutradara yang mengikutinya.

-ooo000ooo-